

Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri (DIA) merekodkan aliran keluar bersih, RM33.9 bilion pada 2024.

- Pada 2024, Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri (DIA) merekodkan aliran keluar yang lebih tinggi berjumlah RM33.9 bilion berbanding RM30.1 billion pada 2023.
- Kedudukan DIA menyusut kepada RM622.1 billion pada akhir tahun 2024 (2023: RM638.8 bilion), manakala pendapatan DIA meningkat kepada RM43.2 bilion (2023: RM40.9 bilion).
- Komponen utama bagi aliran keluar DIA pada 2024 merupakan Ekuiti & dana pelaburan saham berjumlah RM26.0 bilion. Pada masa yang sama, Instrumen hutang berubah kepada aliran keluar bersih, RM7.8 bilion (2023: aliran masuk RM12.7 bilion).
- Sektor Perkhidmatan mencatatkan sumbangan paling besar bagi aliran keluar pada RM28.7 bilion dengan pendapatan DIA, RM31.4 bilion.
- Asia merupakan penyumbang terbesar bagi aliran keluar DIA dengan nilai RM26.5 billion. Ini diikuti dengan Amerika pada RM7.9 bilion dan Eropah pada RM3.8 billion.
- Aliran keluar DIA Malaysia dilaburkan terutamanya di Singapura (RM11.0 bilion), Indonesia (RM8.6 bilion) dan Kepulauan Cayman (RM4.0 bilion) pada 2024.

